

25 JAN 1998

DR MAHATHIR KUNJUNGI KELANTAN ESOK UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

KOTA BAHARU, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan esok.

Beliau yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini pada pukul 2.45 petang.

Menurut jurucakap Jabatan Penerangan Kelantan, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, kemudian akan ke Rumah Sri Kelantan di Jalan Telepot di sini untuk mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri.

Dr Siti Hasmah pula dijadual melawat Pasar Besar Siti Khatijah, kawasan perniagaan yang terkenal di bandar ini sebelum ke Kampung Kubang Laka, Peringat untuk melancarkan Projek Satu Kampung Satu Produk.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian akan ke kediaman Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa di Seri Puri Peringat untuk majlis berbuka puasa bersama-sama 1,500 tetamu.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas menunaikan solat sunat tarawih. -- BERNAMA

ZI AKD